

**DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA
MALAYSIA DI MELAKA
TUNTUTAN NO: TTPM-M- (P)-86-2020**

ANTARA

SUAMI BIN ABDULLAH ... PIHAK YANG MENUNTUT

DAN

RAINBOW CLEAR ENTERPRISE ... PENENTANG

ALASAN PENGHAKIMAN

Pendahuluan

1. PYM (Suami Bin Abdullah) menuntut pengembalian wang RM21,000 yang telah dibayar kepada Pihak Penentang (Rainbow Clear Enterprise) bagi tujuan majlis Perkahwinan dan katering yang dijadualkan berlangsung pada 21 Mac 2020 tetapi telah dibatalkan disebabkan larangan yang dibuat semasa PKP 1.0.

Tuntutan Pihak Yang Menuntut (PYM)

2. PYM telah memfailkan tuntutan di Tribunal ini melalui borang 1 Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna

(Tribunal Tuntutan Pengguna) 1999, selepas ini disebut Peraturan 1999 pada 18 Ogos 2020. Dalam tuntutan tersebut harga untuk perkhidmatan katering dan majlis perkahwinan dipersetujui berjumlah RM21,000. Bayaran ini telah pun dijelaskan kepada PP.

3. Berdasarkan dokumen resit pembayaran, bayaran telah dibuat secara berperingkat. Bayaran pertama dibuat pada 31 Disember 2019 berjumlah RM 1000. Tribunal percaya ini adalah bayaran deposit. Bayaran- bayaran seterusnya dibuat pada 14 Februari 2020 dan 3 Mac 2020 masing-masing berjumlah RM5000. Bayaran baki berjumlah RM10,500 juga telah dibayar oleh PYM. Bayaran-bayaran ini dibuat secara talian melalui transaksi dalam talian MayBank dan resit juga telah dikeluarkan oleh PP.
4. Selepas itu Kerajaan telah mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP 1.0) berkuatkuasa 18 Mac 2020 di mana antara sektor yang terkesan adalah aktiviti sosial dan keagamaan. Majlis Perkahwinan tidak dibenarkan dilangsungkan dalam tempoh tersebut.
5. Berdasarkan PKP yang tidak dijangkakan itu akibat wabak pandemik covid-19, PYM telah menghubungi PP pada 16 Mac 2020 untuk membatalkan majlis yang dijadualkan berlangsung pada 21 Mac 2020 dengan alasan arahan kerajaan yang tidak membenarkan majlis sedemikian dilangsungkan.

6. Beberapa kali PYM telah membuat tuntutan itu terhadap PP melalui pesanan *whatsapp* dan panggilan talipon daripada 16 Mac 2020 hinggalah kepada 10 Ogos 2020. Tetapi sehingga ke tarikh kes tuntutan difailkan di TTPM, PP masih enggan memulangkan kembali pembayaran yang telah dibuat oleh PYM.

Kes Pihak Penentang (PP)

7. PP telah memfailkan penyata pembelaannya dalam borang 2 Peraturan 1999 pada 21 Ogos 2020. Secara ringkasnya PP menolak tuntutan PYM dalam kes ini. PP menyatakan pada 31 Disember 2019 satu perjanjian antara PYM (isteri PYM mewakili PYM) dan PP telah dibuat mengenai perkhidmatan katering oleh syarikat PP untuk majlis perkahwinan anak PYM dengan bilangan jemputan berjumlah 1500 orang, harga RM21,000 yang dijadualkan berlangsung pada hari Sabtu 21 Mac 2020.
8. Pada 16 Mac 2020, PP telah menerima panggilan telefon dari PYM menyatakan pembatalan majlis perkahwinan sekaligus membatalkan perjanjian yang telah dibuat antara PYM dan PP, dalam tempoh empat (4) hari sebelum majlis atau lebih tepat lagi 96 jam 46 minit dari tempoh pembatalan.
9. PYM telah beberapa kali menuntut wang pembayaran majlis berkenaan berjumlah RM 21,000 melalui *whatsapp* dan telefon mulai tarikh 16 Mac 2020 hingga 10 Ogos 2020. PYM memberi penjelasan tuntutannya berdasarkan nasihat

Perdana Menteri menyebabkan beliau membatalkan majlis. PP telah menawarkan bayaran balik 50% dari jumlah yang dibayar. Tetapi PYM tetap menolak dan mahukan bayaran penuh yang telah dibuat (RM21, 000).

10. PP menegaskan persiapan majlis telah mencapai 80%. Kelengkapan majlis telah dibeli secara tunai. Pembekal tidak mengembalikan wang yang telah dibayar. Jumlah pembelian bahan-bahan persiapan untuk majlis perkahwinan di atas adalah RM16,541.35 (rujuk lampiran B - Borang 2).
11. Selain itu kos perkhidmatan penyediaan majlis RM5,000 melibatkan kos bahan api, perundingan majlis *wedding planner*, masa dan lain-lain (rujuk lampiran C - borang 2).
12. PP mengatakan beliau tertekan, trauma dengan kata cacian sehingga tidak dapat menjalankan perniagaan walaupun telah didatangi beberapa orang pelanggan dalam tempoh tersebut. PP bersedia membayar dengan mempertimbangkan nilai kerugian syarikat tetapi telah ditolak oleh PYM.

Keputusan Tribunal.

13. Dalam kes ini Tribunal dapati PP tidak mempertikaikan PYM telah membuat pembayaran berjumlah RM21,000. Pembayaran dibuat secara talian melalui transaksi *online* MayBank. Resit juga telah dikeluarkan oleh PP kepada PYM. Pembayaran ini adalah untuk tujuan mengadakan majlis

perkahwinan anak PYM yang dijadualkan berlangsung pada 21 Mac 2020.

14. PYM tidak menafikan pembatalan telah dibuat oleh mereka dan pembatalan dibuat pada 16 Mac 2020 iaitu lebih kurang 5 hari sebelum majlis berlangsung. Majlis Perkahwinan dijadual berlangsung pada hari Sabtu 21 Mac 2020. Tribunal dapati alasan pembatalan yang diberi oleh PYM selaras dengan arahan kerajaan yang menguatkuasakan PKP 1.0 dimana larangan untuk mengadakan majlis perkahwinan berkuatkuasa pada masa itu.

15. Mengikut syarat perjanjian yang sangat ringkas bertarikh 31 Disember 2019 antara PYM dan PP deposit akan terhapus sekiranya majlis dibatalkan. Tidak pula dinyatakan tempoh dan notis pembatalan sebagaimana yang biasa didapati kontrak perjanjian yang lain. Dalam kes ini gerenti tersirat berhubung pembekalan perkhidmatan mengenai ketelitian dan kemahiran munasabah (seksyen 53 Akta Perlindungan Pengguna) [Akta 599], kesesuaian maksud tertentu (seksyen 54), mengenai masa siap (seksyen 55), dan mengenai harga (seksyen 56) tidak terpakai dalam kes ini.

16. Kedua-dua pihak tidak boleh dipersalahkan dalam pembatalan kontrak ini. Perkara ini berlaku diluar kawalan kedua-dua pihak. Dalam kes ini pada pandangan tribunal kontrak telah dikecewakan oleh suatu keadaan diluar jangkaan kedua-dua pihak. Kontrak tidak dapat dilaksanakan disebabkan larangan oleh kerajaan. Pada asasnya terdapat

elemen *fundamentally altered* dalam kontrak yang berkenaan. Soal opsi mengenai tarikh majlis perkahwinan boleh ditunda tidak timbul kecualilah kedua-dua pihak bersetuju. Jumlah jemputan dan harga juga akan berbeza jika kelonggaran diberi oleh pihak berkuasa. Harga sudah tidak lagi setimpal dengan majlis yang akan diadakan kelak. PYM tidak boleh dipaksa untuk menerima opsi bagi menunda tarikh majlis dan Tribunal sewajarnya mengambikira juga kerugian yang ditanggung oleh PP dan langkah-langkah mitigasi PP mengurangkan jumlah kerugian.

17. *A contract may be discharge by frustration. Contract is frustrated when there is a change in the circumstances which the contract legally or phsically impossible of performance.*
Section 57 (2) Contracts Act 1950 –

“ A contract to do an act which, after the contract is made, becomes impossible,or by reason of some event which the promisor could not prevent,unlawful, becomes void when the act becomes impossible or unlawful”

18. *Lord Radcliffe in **Davis Contractors Ltd v Fareham Urban District Council [1956] A.c 696** at page 729 laid down the test in determining as a question of law whether a particular contract has been discharged by frustration and this was what his lordship said:*

...frustration occurs whenever the law recognize that, without default of either party, a contractual obligation has become incapable of being performed because the circumstances in which performance is called for would render it a thing radically different from that which was undertaken by the contract....

*This particular test was applied in **Khoo Than Sui v Chan Chiau Hee [1976] 1 MLJ 25** and **Ramli bin Zakaria & others v Govt of Malaysia [1982] 2 MLJ 257** to reject a defence of frustration. The House of Lords even went to the extreme and sounded a note of warning in **Tsakiroglou & Co.Ltd v Noble & Thorl G.M.B.H [1962]A.C 93** to the effect that the doctrine of frustration must be applied within a small compass - a narrow limit. Viscount Simonds held the view that the nature of the contract should be **fundamentally altered** before it can be said that the contract has been frustrated and incapable of performance....”*

19. Dalam kes ini Tribunal berpendapat kontrak pada asasnya telah *fundamentally altered*. Tarikh berlangsungnya majlis pada 21 Mac 2020 mustahil dapat dilaksanakan disebabkan larangan yang dikenakan oleh pihak berkuasa. Walaupun doktrin kekecewaan digunapakai dalam ruanglingkup yang kecil, namun Tribunal berpendapat dalam situasi sedemikian kontrak telah terbatal mengikut seksyen 57 (2) Akta Kontark 1950 dan berdasarkan prinsip doktrin kekecewaan seperti yang telah dihuraikan di atas.

20. Semasa pendengaran dan begitu juga dalam penyata pembelaan terdapat kenyataan yang menampakkan hasrat PP untuk membuat pembayaran 50% daripada harga yang telah dibayar namun PYM tidak bersetuju. PP menyatakan mereka telah membuat persiapan sehingga ke tahap 80%. Tribunal dapati kos kerugian yang dikatakan di alami oleh PP sebagaimana dinyatakan dalam lampiran B dan C berjumlah hampir kepada RM21,500. Jumlah ini dikatakan oleh PYM adalah tidak munasabah. Sebagai contoh bahan-bahan kering dan mentah yang ada masih belum digunakan lagi. Bahan-bahan ini masih boleh digunakan untuk majlis yang lain. Jumlah tersebut seolah-olah menggambarkan tiada nisbah keuntungan jika dilihat dari sudut perniagaan. Tribunal bersetuju dengan pandangan tersebut. Tambahan pula PP sewajar untuk *mitigate* kerugian yang dialami.
21. PP juga memberitahu telah membeli kain untuk pakaian pengantin yang bernilai RM2,851. PYM memaklumkan PYM sanggup menolak RM6,000 daripada jumlah RM21,000 dan kain yang dibeli turut diserahkan kepada PYM tetapi tidak dipersetujui oleh PP. Tribunal berpendapat oleh kerana kain itu disediakan khusus untuk pengantin yang berkenaan, adalah wajar ianya dimiliki oleh PYM kerana kos membeli kain tersebut adalah wang PYM.
22. Setelah mengambil kira keadaan kes pada keseluruhannya dan kerugian yang dialami oleh PP Tribunal memutuskan untuk menolak kos perkhidmatan penyediaan majlis berjumlah (RM5000) dan deposit (RM1000) yang terlupus

akibat pembatalan sebagaimana dalam perjanjian. Tribunal mendapati sejumlah RM15,000 sahaja yang diperlukan dikembalikan oleh PP kepada PYM.

23. Perlu diperhatikan award ini tidak terikat dengan peruntukkan seksyen 7 Akta Langkah-langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (Covid-19) [Akta 829]. Award ini dibuat pada 14 Oktober 2020. Award yang dikeluarkan dalam tempoh 18 Mac 2020 sehingga tarikh penyiaran Akta 829 iaitu pada 23 Oktober 2020, award tersebut adalah sah dan boleh dikuatkuasa.

Award

Borang 10

Pihak Penentang hendaklah memulangkan RM15,000.00 kepada Pihak Yang Menuntut dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh award.

Kain-kain yang telah dibeli juga diserahkan kepada Pihak Yang Menuntut dalam tempoh yang sama dari tarikh award.

Bertarikh: 14 OKTOBER 2020

ABDUL RASHID BIN DAUD
PRESIDEN TRIBUNAL TUNTUTAN
PENGGUNA MALAYSIA